LAPORAN LATIHAN ILMIAH TAHAP AKHIR II

RUN LENGTH ENCODING IN IMAGE COMPRESSION

Dihasilkan Oleh :
Yusniza binti Yaakub
WEK 000186

Di bawah Penyeliaan :
En. Noorzaily Mohamed Nor
Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

Moderator :
En. Mohd Yamani Idna Idris
Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya

ABSTRAK

Dokumen ini adalah mengenai projek Latihan Ilmiah Tahap Akhir 1.Projek yang dijalankan bertajuk Pengekodan Run-Length dalam Pemampatan Imej.Ia adalah berkaitan dengan pengimplimentasian algoritma Run-Length dalam perkakasan yang mana kod bagi perkakasan ini di tulis menggunakan bahasa pengaturcaraan VHDL. Pengekodan Run-Length ini berfungsi dengan mencari dan mengkodkan piksel yang bersebelahan yang mempunyai nilai kecerahan atau grey-level yang sama. Input imej yang dimasukkan adalah bersaiz 8 piksel x 8 piksel . Jenis perwakilan imej digital yang digunakan adalah imej penskalaan kelabu atau grey scale. Imej ini menggunakan perwakilan 8 bit bagi satu piksel.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah , syukur kepada Ilahi,kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya maka saya boleh menyiapkan Projek Latihan Ilmiah Tahap ini.Di sini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada individu-individu yang telah membantu bagi menyiapkan projek ini. Tanpa bantuan mereka ,mungkin projek ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna.

Penghargaan dan penghormatan kepada penyelia saya ,En Noorzaily Mohamed Nor ,kerana telah memberi garis panduan dan tunjuk ajar yang berguna bagi menyiapakan Projek Ilmiah Tahap Akhir ini. Terima kasih juga ditujukan kepada moderator , En Mohd Yamani Idna Idris di atas pandangan bernas yang diberikan. Terima kasih saya tujukan kepada En Zaidi Razak di atas bantuan yang diberikan.

Tidak lupa kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang telah memberi sokongan ,dorongan doa sepanjang perjuangan saya. Penghargaan juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu mengeluarkan idea sehingga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

Yusniza binti Yaakub,

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,

Universiti Malaya.

SENARAI KANDUNGAN **MUKA SURAT**

SENARAI RAJAH **MUKA SURAT**

SENARAI JADUAL **MUKA SURAT**

BAB 1
PENGENALAN PROJEK

1.1 PENGENALAN

Teknologi pemampatan imej (image compression) merupakan element penting bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap peralatan dan aplikasi multimedia.Sistem pemprosesan imej yang terkini menggunakan beberapa teknologi pemampatan dengan kehendak semulajadi iaitu pelaksanaan yang berkelajuan tinggi.Dengan pengimplementasian algoritma pemadatan ke dalam perkakasan,peningkatan yang terhasil dalam kelajuan pemprosesan membolehkan pemadatan data digunakan dalam pelbagai bidang. Terdapat beberapa jenis algoritma untuk pemampatan imej iaitu Pengekodan Run-Length, Pengekodan Huffman, dan pengkodan LZW. Bagaimanapun Latihan Ilmiah ini lebih menumpukan kepada algoritma Run-Length yang diimplementasikan dalam perkakasan.Pengekodan Run-Length akan ditulis dalam kod VHDI. (Very High Description Language) yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perkakasan digital.

1.2 DEFINASI MASALAH

1) Menghadapi kesukaran untuk menulis kod program bagi Run-Length Encoding dalam VHDI. .Algoritma ini mungkin lebih mudah ditulis di dalam kod untuk perisian seperti C dan C++.

1.3 SKOP PROJEK

1) Imej yang diproses adalah imej grayscale bersaiz 8 piksel x 8 piksel.Imej ini menggunakan perwakilan 8 bit bagi satu piksel.

2) Imej yang terhasil adalah imej yang telah melalui proses pemampatan dan proses pemampatan ini ditumpukan kepada imej statik.

1.4 OBJEKTIF PROJEK

1) Untuk menjana IP (Intellectual Property) bagi Pengekodan Run-Length dalam bentuk kod VHDL.
2) Mengimplimentasikan algoritma Pengekodan run-Length ke dalam perkakasan bagi pelaksanaan yang lebih pantas.
3) Untuk memahami pengimplimentasian menggunakan bahasa pengaturcaraan VHDL dalam menulis kod program untuk perkakasan.

1.5 KEKANGAN

1) 'Error' atau kesalahan yang berlaku semasa proses simulasi sukar untuk diperbetulkan.

1.6 KEPENTINGAN PROJEK

1) Memenuhi keperluan bagi penghasilan computer bersaiz kecil
2) Menyokong proses pemampatan yang mudah .Dengan adanya perkakasan ini, proses pemampatan boleh dilakukan dalam persekitaran real-time dan menyumbang kepada pelaksanaan yang lebih pantas.

3) Menambah kebolehan peranti.Fungsi peranti akan lebih bertambah dengan penghasilan perkakasan ini.Ini bermakna fungsi yang dimainkan oleh perkakasan semakin bertambah dan seterusnya menambah kebolehpercayaan peranti.

1.7 PENJADUALAN

Penjadualan adalah perlu bagi mamastikan projek dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.Untuk memastikan perkara ini ,satu jadual ringkas yang menerangkan tempoh masa dan aktiviti-aktiviti sepanjang proses pembangunan projek dibuat.Jadual ini meliputi keseluruhan aktiviti bermula dengan kajian sehingga ke peringkat dokumentasi.

FASA DAN AKTIVITI	TEMPOH FASA DAN AKTIVITI								
	Jun 2003	Julai 2003	Ogos 2003	Sept 2003	Okt 2003	Nov 2003	Dis 2003	Jan 2003	Feb 2003
KAJIAN PERINGKAT AWAL									
Mempelajari perisian VHDL yang akan digunakan									
Mengkaji konsep pemampatan data secara teori									
Mengkaji konsep pemprosesan imej digital									
Rekabentuk									
Pembentukan kod program dalam VHDL									
Pengujian									
Dokumentasian									

Rajah 1 : Penjadualan Projek

BAB 2
KAJIAN LITERASI

2.1 PEMAMPATAN IMEJ

Pemadatan imej merupakan satu proses mengurangkan saiz bagi sesuatu fail data imej asal kepada saiz yang lebih kecil dan imej asal ini boleh diperolehi semula melalui teknik nyah pemampatan.Ia juga boleh dikatakan sebagai satu proses dalam satu aliran bit untuk menghasilkan satu maklumat yang dikehendaki dalam bilangan bit yang lebih kecil.Matlamat utama dalam pemampatan adalah untuk mewakilkan sesuatu imej dalam bilangan bit sekecil yang boleh , atau dengan lebih tepat lagi , untuk menjimatkan ruang simpanan dan kapasiti saluran transmisi dalam rangkaian. Terdapat dua jenis teknik pemampatan data atau imej iaitu "lossless" dan "lossy". Rajah 2 menunjukkan proses umum dalam pemampatan dan nyahpemampatan.



Rajah 2.1 : Proses pemampatan dan nyahpemampatan

2.2 TEKNIK PEMAMPATAN 'LOSSLESS'

Pemampatan data secara 'lossless' digunakan apabila data yang melalui proses penyahmampatan sama dengan keadaan sebelum pemampatan.Fail teks disimpan dengan menggunakan teknik 'lossless', memandangkan satu karektor akan mencacatkan teks yang hendak dimampatkan secara umumnya juga data-data lain seperti imej,grafik,audio,dan video juga menggunakan teknik ini. Antara algoritma pemampatan yang menggunakan teknik pemampatan ini adalah algoritma Pengekodan Run-Length, Pengekodan Huffman dan Pengekodan LZW.

2.3 TEKNIK PEMAMPATAN 'LOSSINESS'

Pemampatan cara ini berfungsi dengan tanggapan bahawa data tidak perlu disimpan dengan sempurna.Kebanyakan maklumat secara mudah boleh dibuang daripada imej ,video dan audio ; apabila dinyahmampat data masih boleh mempunyai kualiti.Ratio pemampatan dengan cara ini lebih besar daripada lossless. Contoh pemampatan yang menggunakan teknik ini adalah 'Transform coding' (DCT/Wavelets) dan 'Vector quantisation'.

2.4 KEPENTINGAN PEMAMPATAN IMEJ

Teknologi pemampatan imej merupakan satu elemen penting bagi memenuhi permintaan yang tinggi terhadap peralatan dan aplikasi multimedia. Pengurangan atau pemampatan saiz fail ini diperlukan untuk disesuaikan dengan keperluan lebar jalur bagi sesuatu sistem transmisi, sama juga dengan keperluan storan bagi sesuatu pangkalan data

komputer. Sebagai contoh satu imej bersaiz 512x512, imej 8 bit memerlukan 2,097,152 bit untuk storan. Sekiranya ia perlu dihantar melalui rangkaian internet,ia mungkin mengambil masa beberapa minit untuk penghantaran itu berlaku. Sebagai contoh : Untuk penghantaran satu imej berwarna bersaiz 512x512,24-bit (8 bit/piksel/warna) melalui modem pada 28.8 kbaud(kilobit/saat) mengambil masa selama 3.6 minit. Bayangkan sekiranya beberapa imej perlu dihantar serentak,ia tentunya memerlukan masa yang lebih panjang. Oleh sebab itu proses pemampatan data diperlukan - salah satunya adalah untuk mengurangkan masa transmisi. Sistem pemprosesan imej yang terkini menggunakan beberapa teknologi pemampatan disesuaikan dengan kehendak semulajadi iaitu memerlukan pelaksanaan yang berkelajuan tinggi.Terdapat beberapa algoritma pemampatan bagi data imej seperti pengekodan Run-Length, pengkodan Huffman , Lemple Ziv Welch dan sebagainya. Manakala piawai yang biasa dalam proses pemadatan imej ialah :

- JPEG (pemadatan imej tetap)
- MPEG-1 (pemadatan imej bergerak)
- MPEG-2 (pemadatan imej bergerak bagi aplikasi TV digital)
- H.261 dan H.263 (pemadatan imej bergerak bagi persidangan melalui video dan videotelefoni).

Dengan pengimplementasian algoritma pemampatan ini ke dalam perkakasan,peningkatan yang terhasil dalam kelajuan pemprosesan membolehkan pemampatan data digunakan dalam pelbagai bidang.

2.5 PERWAKILAN IMEJ DIGITAL

Sedia maklum bahawa system visual manusia menerima imej input sebagai himpunan ruang cahaya yang dipanggil imej optikal.Imej optikal diwakilkan dengan informasi video dalam bentuk isyarat elektrik analog untuk menjana imej digital, *I(r,c)*.Imej digital, *I(r,c)* diwakilkan sebagai data tatasusunan 2 dimensi di mana setiap nilai piksel sama dengan kecerahan bagi imej pada sesuatu titik (r,c).Terdapat beberapa jenis imej iaitu imej binary,imej gray-scale,dan imej berwarna .

2.5.1 IMEJ PERDUAAN (BINARY)

Imej binari merupakan imej yang paling ringkas yang diambil dari dua nilai,biasanya hitam dan putih atau '0' dan '1'.Imej binari dirujuk sebagai imej 1 bit/piksel kerana ia hanya mengambil 1 digit binari untuk mewakilkan satu piksel.Imej ini digunakan dalam aplikasi computer untuk bentuk asas,dan garis luaran.Imej binary biasanya dicipta dari imej gray-scale melalui operasi *threshold*,dimana setiap piksel di atas nilai threshold akan bertukar menjadi putih('1') dan piksel yang berada bawah nilai threshold akan bertukar menjadi hitam ('0').

2.5.2 IMEJ GRAY SCALE

Imej Gray-scale dirujuk sebagai monokrom,atau imej satu warna.Ia hanya mempunyai maklumat bagi kecerahan,bukan maklumat bagi warna.Bilangan bit yang digunakan dalam setiap piksel menentukan bilangan bagi tahap kecerahan berbeza yang boleh diperolehi.Imej biasa mengandungi data 8 bit/piksel,yang mana membenarkan 256 (0-255)tahap kecerahan (gray).

2.5.3 IMEJ BERWARNA

Imej berwarna dimodelkan sebagai data imej 3 band monokrom,yang mana setiap band data mewakili warna yang berbeza.Maklumat sebenar yang disimpan dalam data imej digital adalah maklumat kecerahan bagi setiap band spectral.Apabila imej dipaparkan pada skrin,maklumat kecerahan yang sama dipaparkan pada skrin oleh elemen gambar yang kuasa pancaran cahaya sama dengan sesuatu warna tersebut.Biasanya imej berwarna diwakilkan sebagai Merah (red,R) Hijau(green,G) dan biru(Blue,B) atau imej RGB.Menggunakan piawai monokrom 8-bit sebagai model,imej berwarna yang sama mempunyai 24-bit per piksel-8-bit untuk setiap warna (red,green,blue).

2.6 PENGEKODAN RUN-LENGTH

Run-Length Encoding merupakan satu algorimta pemampatan data yang paling ringkas tetapi berguna bagi set data yang mengandungi jujukan yang berturutan. Sebagai contoh, teks file yang mempunyai ruang tab mungkin boleh dimampatkan dengan baik menggunakan algoritma ini.RLE berfungsi dengan mencari bilangan jujukan yang berulang bagi sesuatu karektor di dalam aliran input dan digantikan dengan kod 3 bait. Kod tersebut terdiri daripada karektor flag , bilangan bait ,dan karektor yang berulang.Sebagai contoh , turutan ``AAAAAABBBBCCCCC" mungkin boleh diwakilkan sebagai ``*A6*B4*C5" menggunakan algoritma RLE. Didapati 6 bait telah dapat dijimatkan . RLE juga boleh digunakan dalam pemampatan imej dan ia digunakan sebagai salah satu langkah pemampatan dalam piawai pemampatan imej JPEG.

2.7 PENGEKODAN RUN-LENGTH DALAM PEMAMPATAN IMEJ

Format bagi pemampatan imej yang sedia ada seperti piawai (.gif dan JPG) memberikan prestasi yang cukup baik dalam kebanyakan keadaan. Algoritma Pengkodan Run-Length ini akan memberi hsil yang baik. Program ini akan membuang piksel –piksel yang dikelilingi oleh piksel yang mempunyai warna yang sama.

- Bermula dengan piksel yang paling kiri pada sebelah atas, Pengecaman imej bermula dari sebelah kiri ke kanan , dan program bergerak ke baris seterusnya.

- Baca piksel yang berada pada atas kiri, dan ia dioutputkan.Sekiranya terdapat sekiranya piksel yang berikutnya mempunyai nilai yang berbeza , maka perlu bergerak ke piksel yang seterusnya, jika tidak, outputkan kunci dan panjang jujukan bagi nilai yang sama.

- Sekiranya panjang jujukan lebih besar daripada sepatutnya , piksel itu dioutputkan semula diikuti dengan baki jujukan yang belum dikodkan. Proses ini tidak akan kodkan nilai piksel yang mempunyai hanya satu jujukan.

- Bagi imej yang mempunyai dua tone warna hitam dan putih (imej binary) ,teknik yang sama juga digunakan.

- Bagaimanapun, pengecaman piksel mungkin juga sesuai menggunakan teknik lajur-ke-lajur selain baris-ke-baris (contohnya bagi imej yang mempunyai jalur)

- Prestasi adalah tidak sama pada mana-mana pembesaran bagi imej asal : Pengekodan adalah baik bagi panjang jujukan yang lebih daripada tiga.

2.8 KEBAIKAN PENGEKODAN RUN-LENGTH DALAM PERKAKASAN

1) RLE mempunyai algoritma kod pemampatan yang mudah difahami dan mempunyai konsep yang ringkas.

2) Senang diimplementasikan dalam aturcara

- algoritma RLE biasanya digunakan dalam perisian dan sekarang ia cuba diimplementasikan dalam perkakasan di mana kod bagi perkakasan ditulis dalam VHDL.

3) Imej yang telah dikodkan boleh dibentukkan ke imej asal melalui proses nyah-mampat tanpa mencacatkan struktur imej tersebut kerana RLE menggunakan teknik pemampatan "lossless".

4) RLE sesuai untuk digunakan dalam pemampatan imej statik dan bergerak

5) Pelaksanaan yang lebih pantas dengan pengimplimentasian dalam perkakasan tanpa program ditulis ke dalam kod perisian.

BAB 3
VHDL

3.1 PENGENALAN KEPADA VHDL

VHDL adalah ringkasan bagi VHSIC Hardware Description Language.VHSIC pula adalah ringkasan bagi Very High Speed Integrated Circuits). VHDL merupakan satu bahasa yang boleh menerangkan sesuatu perkakasan dan boleh digunakan untuk memodelkan sistem digital. Ia boleh menerangkan kelakuan dan struktur bagi rekabentuk perkakasan digital seperti ASIC , FPGA dan litar digital lain. Simulasi dan sistesis merupakan dua alatan yang berfungsi dalam bahasa VHDL. VHDL tidak menghadkan pengguna menggunakan satu jenis penerangan tetapi ia membenarkan rekabentuk diterangkan dalam pelbagai metodologi seperti top-down , bottom up atau middle out. Rekabentuk tahap tinggi yang baik memerlukan bahasa ,alatan dan metodologi yang sesuai.

3.2 METODOLOGI REKABENTUK DALAM VHDL

Rajah 3.1(a) menunjukkan bagaimana pendekatan rekabentuk awal yang mana prosesnya bermula dengan melukis satu skematik , dan kemudian diikuti dengan simulasi fungsi dan masa berdasarkan kepada skematik tersebut. Semua kesalahan dalam rekabentuk akan diperbetulkan semula dengan memperbaharui skematik tersebut.Untuk perbandingan , pendekatan rekabentuk menggunakan VHDL ditunjukkan dalam rajah 3.1(b) yang mana rekabentuk diterangkan menggunakan VHDL dan pengesahan dibuat dengan menggunakan simulasi VHDL. Ini memberikan satu kaedah yang lebih cepat berbanding proses simulasi berdasarkan rajah 3.1(a). Dengan mengubahsuai kod VHDL

,perekabentuk boleh mencipta rekabentuk yang lebih cepat dan cekap dan boleh menerokai pelbagai senibina rekabentuk.Apabila fungsi berpadanan dengan keperluan sistem, kod boleh digunakan untuk menjana skematik terakhir.



Rajah 3.1 (a) Pendekatan rekabentuk Skematik tradisional

Rajah 3.1 (b) pendekatan rekabentuk berasaskan VHDL

3.3 BENTUK PENERANGAN

VHDL membolehkan penerangan tentang sesuatu rekabentuk digital dilakukan dalam pelbagai peringkat berasingan seperti algoritma, dan tahap get logic. Dalam rekabentuk atas-bawah, perekabentuk mewakilkan system pada peringkat tinggi dan menukarkannya kepada proses rekabentuk berstruktur melalui sistesis. Untuk menerangkan sesuatu entity,

VHDL menyediakan 5 jenis bentuk asas yang dipanggil unit rekabentuk. Unit rekabentuk tersebut adalah

- Pengisytiharan entity
- Architecture
- Pengisytiharan konfigurasi
- Pengisytiharan Pakej
- Badan Pakej

Entiti dimodelkan menggunakan pengisytiharan entity dan sekurang-kurangnya satu badan architecture.

ENTITY ComponentName **IS**

Input and output ports

Physical and other parameters

END ComponentName;

ARCHITECTURE identifier **OF** ComponentName **IS** declarations

BEGIN

specification of model in term of its inputs and influenced by physical and other parameters

END identifier;

3.3.1 ENTITI

Entiti menerangkan unit rekabentuk asas dan membina pengisytiharan 'port' yang bersambung kepada system .Ia mewakili keseluruhan system .

Format bagi entity

ENTITY entity_name is

Port (port list);

end entity_name;

'Port' berfungsi untuk menyediakan saluran untuk komunikasi antara entity dengan persekitarannya.Setiap 'port' mempunyai nama ,mod dan jenis.Format bagi 'port' adalah

port (port name : mode type_indication[bus])

Pengisytiharan 'bus' dibuat jika 'port' disambung dari satu keluaran dari modul atau sistem lain.

3.3.2 ARCHITECTURE

Badan Architecture mengandungi penerangan dalaman bagi entitiy :sebagai contoh kumpulan komponen yang bersambung yang mewakili struktur bagi entity, kumpulan pernyataan yang berturutan atau serentak mewakili kelakuan entity.Setiap perwakilan boleh diklasifikasikan dalam badan architecture yang berlainan atau boleh digabungkan sekali di dalam satu badan architecture. Rajah 4 menunjukkan satu entiti dan model.



Rajah 3.2 : Satu entiti dan satu model

3.3.3 PENGISYTIHARAN KONFIGURASI

Pengisytiharan konfigurasi digunakan untuk mencipta konfigurasi bagi entiti. Ia menentukan gabungan beberapa badan architecture menjadi satu badan architecture sahaja yang mungkin disatukan dengan entity.Pengisytiharan konfigurasi juga menetukan gabungan komponen yang digunakan dalam badan *architecture* tertentu dengan entiti lain.

CONFIGURATION ConfName **OF** ComponentName **IS**

Bindings of Entities and Architecture

Specifying paramenters of a design

END CONFIGURATION :

3.3.4 PENGISTIHARAN PAKEJ

Pengisytiharan Pakej menerangkan tentang kumpulan pengisytiharan yang berkaitan seperti pengisytiharan jenis (type) ,pengisytiharan sub-jenis (subtype) ,dan pengistiharan sub-program yang mana boleh dikongsi melalui dua atau lebih unit rekabentuk.

PACKAGE PackageName IS

Componenr Declaration

Sub-program declarations

Type definitions

END PackageName ;

PACKAGE BODY PackageName IS

Sub-programs.

END PackageName ;

3.3.5 BADAN PAKEJ

Badan pakej mengandungi penerangan bagi sub-program yang diisytiharkan dalam pengisytiharan pakej.

3.3.6 LIBRARY

Library terdiri daripada himpunan pakej dan komponen untuk digunakan dalam rekabentuk lain (mempunyai kebolehan untuk digunakan semula.

```
LIBRARY LibName ;

USE LibName.SubPackage.Scope

LIBRARY IEEE ;

USE IEEE.std_logic_1164. ALL ;

LIBRARY WORK:

USE WORK.util_package.int2bit;
```

3.4 SIMULASI

Setelah dimodelkan penerangan rekabentuk yang dijanakan oleh VHDL mestilah dilarikan melalui simulasi VHDL bagi mengesahkan fungsi bagi sesuatu system.Untuk mensimulasikan rekabentuk ,perekabentuk mesti membekalkan alat simulasi bersama dengan set yang dipanggil stimuli. Sistem akan bertindakbalas dengan stimuli ini dan kemudian akan system akan dianalisa samada ia berfungsi dengan betul atau tidak. Simulasi boleh digunakan di dalam mana-mana peringkat dalam proses rekabentuk.Pada

peringkat yang lebih tinggi, proses simulasi akan berlaku dengan pantas ,tetapi tidak memberikan maklumat lanjut tentang fungsi sesuatu litar dan pemasaan.Pada tahap rendah bagi proses rekabentuk , simulasi akan mengambil masa yang lebih lama tetapi ia menyediakan maklumat terperinci tentang fungsi dan pemasaan bagi sesuatu litar. VHDL membenarkan rekabentuk pada pelbagai peringkat yang mana sesetengah modul diterangkan pada peringkat yang lebih tinggi dan sesetengah modul pula diterangkan pada peringkat rendah.Kebaikannya adalah perekabentuk boleh fokus kepada rekabentuk modul pemasaan kritikal. Simulasi pada peringkat tinggi perlu digunakan dengan efektif untuk mengesan kerosakan atau kesalahan bagi rekabentuk pada peringkat awal dan mengurangkan keperluan bagi simulasi yang lebih terperinci.

3.5 SINTESIS

Sistesis adalah terjemahan bagi penerangan sesuatu rekabentuk bermula dari satu peringkat pengabstrakan sehingga ke peringkat pengabstrakan seterusnya.Ia mungkin penterjemahan kelakuan (behaviour) ke kelakuan atau kelakuan kepada struktur.Proses terjemahan ini adalah sama dengan proses kompilasi bagi bahasa pengaturcaraan bertahap tinggi seperti C kepada kod penghimpunan (assembly code). Input bagi alatan sistesis ini termasuklah penerangan HDL, pemasaan, bahagian yang ingin disisntesis dan perpustakaan teknologi (technology library). Output pula adalah netlist yang dioptima, prestasi yang telah ditafsirkan dan bahagian yang telah disintesis. Dibawah adalah teknik asas bagi sistesis.

i. Sintesis Kelakuan (Behaviour synthesis)

Sintesis kelakuan menterjemah penerangan algoritma seperti –C kepada penerangan RTL. Rekabentuk pada peringkat RTL termasuklah (a) laluan data (data path) (b) memori dan (c) unit kawalan. Rajah 3.3 (a) menerangkan proses sintesis kelakuan yang juga dikenali sebagai sintesis senibina (architecture) atau sintesis peringkat tinggi. Tugas utama adalah mensintesis laluan data,kawalan dan mamori.

ii. Sintesis RTL

Sintesis RTL menjana struktur netlist dari set fungsi pemindahan pendaftar (register transfer function). Sempadan keadaan (kelakuan clock- ke – clock) diterangkan pada peringkat ini. Operasi pemindahan pendaftar boleh diterangkan sebagai msin keadaan terhad (finite state machine) ,dan ia termasuklah meminimakan keadaan , pengkodan keadaan ,meminimakan logic dan pemetaan teknologi (Rajah 3.3 (b)).

iii. Sistesis logic

Sistesis logic menterjemah ungkapan Boolean kepada logic gabungan.Pengoptimaan bagi sintesis logic dibahagikan kepada dua fasa :

1) Alatan front end yang mengurangkna ketidakbergantungan litar dalam teknologi perpustakaan.

2) Alatan back end yang memetakan struktur netlist kepada penyambungan sel perpustakaan.Rajah 3.3 (c).



Rajah 3.3 : Teknik Simulasi

3.6 KEBOLEHAN VHDL

VHDL dicipta untuk memenuhi beberapa keperluan.

- VHDL boleh menghuraikan struktur bagi sesuatu rekabentuk : pemecahan kepada sub-rekabentuk dan interconnections.
- VHDL menggunakan bentuk pengaturcaraan yang biasa untuk menerangkan fungsi sesuatu rekabentuk.
- VHDL membenarkan sesuatu rekabentuk itu disimulasi sebelum peringkat pengaturcaraan perkakasan dilakukan ke atas sesuatu rekabentuk.
- VHDL boleh digunakan dalam pelbagai metodologi rekabentuk.
- VHDL tidak bergantung kepada teknologi.
- VHDL boleh menerangkan rekabentuk bagi pelbagai perkakasan digital.
- VHDL memudahkan komunikasi antara bahasa piawai.
- VHDL memberi pengurusan rekabentuk yang lebih baik.
- VHDL membenarkan penggunaan pelbagai bahasa rekabentuk.

BAB4
REKABENTUK YANG DICADANGKAN

4.1 PENGKODAN RUN_LENGTH

Pengekodan Run- Length merupakan kaedah pemadatan imej yang berfungsi dengan mengira jumlah piksel yang bersebelahan yang menpunyai nilai grey-level yang sama.Jumlah ini dikenali sebagai run length kemudian dikodkan dan disimpan.

Secara asasnya RLE digunakan untuk imej perduaan tetapi ia juga boleh digunakan imej kompleks yang telah diproses oleh thresholding yang digunakan untuk mengurangkan jumlah grey level kepada dua.Terdapat dua cara untuk mengimplementasi RLE, dan langkah pertama adalah menentukan parameter yang dikehendaki. RLE boleh digunakan secara melintang iaitu kiraan dilakukan sepanjang baris atau secara menegak di mana kiraan dilakukan sepanjang lajur.

Bagi RLE yang digunakan secara melintang , bilangan bit yang digunakan untuk dikodkan bergantung kepada jumlah piksel yang terdapat pada baris tersebut.

Contoh adalah bagi imej perwakilan 8 bit bagi satu piksel :

11110000	11110000	11110000	11110000	11110000	11110000	11110000	11110000
10000000	10000000	10000000	10000000	10000000	10110000	10110000	10110000
10000000	10000000	10000000	10000000	10000000	10110000	10110000	10110000
00000000	00000000	00000000	10000000	10000000	10000000	00000000	00000000
00001010	00001010	00001010	00000000	00000000	00000000	00000000	00000000
00001010	00001010	00001010	10000000	10000000	01110000	01110000	10000000
00001010	00001010	00001010	00001111	00001111	00001111	00000000	00000000
00000000	00000000	00000000	00000000	00000000	00000000	00000000	00000000

Rajah 4.1: Imej perwakilan 8 bit.

Imej di dalam rajah adalah bersaiz 8 bait x 8 bait yang mana jumlah keseluruhan bit yang digunakan adalah 512 bit. Selepas proses pengekodan RLE secara melintang, keputusan adalah seperti berikut, nilai yang dipaparkan dalam 8 bit adalah kecerahan (gray level) manakala nilai dalam kurungan merupakan bilangan gray level yang berjujukan, nilai ini juga akan diwakilkan dalam bentuk 8 bit :

Baris pertama : 11110000(8)

Baris kedua : 10000000(5) 10110000(3)

Baris ketiga : 10000000(5) 10110000(3)

Baris keempat : 00000000(3) 10000000(3) 00000000(3)

Baris kelima : 00001010(3) 00000000(5)

Baris keenam : 00001010(3) 10000000(2) 01110000(2) 10000000(1)

Baris ketujuh : 00001010(3) 00001111(3) 00000000(2)

Baris kelapan : 00000000(8)

Algoritma pemampatan RLE digunakan ke atas imej tersebut , bilangan bit yang terhasil dan digunakan untuk mewakili imej tersebut adalah 288 bit sahaja dan ini dapat menjimatkan ruang storan.

Proses nyah – pemadatan memerlukan bilangan piksel dalam baris tersebut dan jenis teknik pengekodan yang digunakan samada secara melintang atau menegak.Proses nyah-pemampatan akan menghasilkan imej asal seperti dalam rajah 6.

RLE paling biasa digunakan untuk memadatkan imej hitam putih atau imej berwarna berindeks 8 bit yang berkemungkinan mempunyai panjang larian (run length).Biasanya RLE tidak digunakan untuk imej berwarna tinggi (high color image)

seperti fotograf yang mana biasanya setiap piksel mungkin berbeza dengan piksel sebelumnya .

Tiga imej berikut dalam rajah 7 menunjukkan imej yang sama tetapi dalam bentuk berbeza, imej pertama mengandungi run dalam setiap baris dan proses pemadatan boleh dilakukan dengan baik.Imej kedua merupakan imej yang sama dengan imej pertama tetapi telah diputar 90 darjah ,tiada run dalam setiap baris dan ini memberikan pemadatan yang tidak baik dan saiz fail yang lebih besar. Jadi imej pertama sesuai untuk dikodkan menggunakan R1.F. secara malintang manakala bagi imej kedua, Pengekodan R1.F. secara menegak mungkin lebih sesuai.Imej ketiga dapat memberi hasil terbaik dalam proses pemadatan kerana keseluruhan imej mempunyai nilai tetap.

Saiz asal: 10000 bait

Saiz selepas pemadatan:

5713 bait

Ratio: 1.75

Saiz asal: 10000 bait

Saiz selepas pemadatan:

10100 bait

Ratio: 0.99

Saiz asal: 10000 bait

Saiz selepas pemadatan:

200 bait

Ratio: 50

Rajah 4.2 : Contoh bagi imej gray-scale

4.2 REKABENTUK PERKAKASAN YANG DICADANGKAN

Setelah analisis dan kajian dibuat, rekabentuk perkakasan yang akan dihasilkan adalah terdiri daripada dua modul iaitu modul untuk pemampatan dan satu lagi modul untuk nyah-pemampatan. Ini menunjukkan bahawa proses pengekodan dan penyahkodan Run – Length diterangkan secara berasingan.

4.2.1 Rajah status rekabentuk perkakasan

Rajah status dicipta bagi memudahkan pemahaman terhadap operasi perkakasan semasa fasa pengkodan dan pengujian.Setiap modul diteliti operasinya daripada modul utama hingga modul lain.Rajah 8 menunjukkan rajah status bagi pemampatan manakala Rajah 9 menunjukkan rajah status bagi nyah-pemampatan.



Rajah 4.3 : Gambarajah status untuk pemampatan

Setelah modul kawalan hantar isyarat e_kd ,modul pemampat akan bersedia untuk memampatkan data yang masuk.Arahan baca data akan diaktifkan dan setelah itu,jujukan input akan dibaca dan dimampatkan. Kemudian hasil mampat akan keluar.



Rajah 4.4 : Gambarajah status nyahmampatan

Setelah menerima arahan e_nkd dari modul kawalan pusat, arahan baca data akan diaktifkan dan jujukan data yang telah dibaca akan bersedia untuk dinyahmampat.Setelah proses nyahmampat selesai,output akan dihasilkan dan baca data kan diaktifkan semula untuk data berikutnya.

4.2.2 Modul pemampatan



Rajah 4.5 : Modul pemampatan

Modul pemampatan adalah modul yang menjalankan proses pemampatan .Berikut adalah port input dan port output.

Port input : adr [3: 0] : mengawal jujukan pengulangan semula.

Clk : menyediakan modul dengan jam sistem.

E_kd : mengaktifkan modul pemampatan.

Data_in : jujukan data yang ingin dimampat.

Port output

Data_out : jujukan data yang telah dimampat.

4.2.3 Modul penyahmampatan



Rajah 4.6: Modul nyah pemampatan

Modul nyahpemampatan adalah modul yang menjalankan proses nyah mampatan .Berikut adalah port input dan port output.

Port input : adr [3: 0] : mengawal jujukan pengulangan semula.

Clk : menyediakan modul dengan jam sistem.

E_kd : mengaktifkan modul nyah pemampatan.

Data_in : jujukan data yang ingin dinyahmampat.

Port output

Data_out : jujukan data yang telah dinyahmampat.

4.3 Gambarajah blok bagi pengekodan dan penyahkodan Run-Length.

Rajah 12 dan 13 menunjukkan gambarajah blok bagi pengkodan dan penyahkodan Run-Length. Gambarajah ini menerangkan proses yang berlaku di dalam modul bagi pemampatan dan pemampatan. Rekabentuk bagi Pengekodan Run-Length mengandungi komponen digital berikut :

- DATA REGISTERS (Pendaftar data imej)
- THRESHOLD REGISTER (pendaftar threshold)
- DOWN COUNTER (Pembilang)
- MULTIPLEXER (Multiplexer)
- DEMULTIPLEXER

Penyataan input/output dan fungsi bagi setiap komponen adalah seperti berikut.

DATA REGISTERS:

REGISTER B: Merupakan REGISTER 8 bit yang mengambil datain 8 bit input pada rising edge bagi clock dan apabila signal LDx tinggi.Output B bagi register juga 8 bit. Apabila LDx ditentukan nilai dimasukkan pada clock berikutnya

REGISTER C: Merupakan register 8 bit yang mengambil 8 bit input B pada pada rising edge clock dan bila signal LDy tinggi.Output bagi C bagi register juga 8 bit. Apabila LDy ditentukan nilai dimasukkan pada clock berikutnya

COUNTER REGISTER : Merupakan register 8 bit yang mengambil 8 bit dari counter pada rising edge clock. Output juga adalah 8 bit.

THRESHOLD REGISTER: Biasanya digunakan untuk selak nilai threshold.Bila LDT ditentukan nilai bagi input dimasukkan ke clock berikutnya.

COUNTER: Pembilang up-down 8 bit.Pembilang ditentukan semula dengan memasukkan nilai 1 setiap kali signal Cntrst ditentukan.nilai bagi pembilang meningkat dan menurun bergantung kepada signal INC dan DEC.

MULTIPLEXER: Merupakan multiplekser 3 input dan satu output yang memilih baris yang sesuai bergantung kepada nilai yang diwakilkan pada signal yang dipilih.Multiplexer mempunyai input ,iaitu daripada 2 register dan output daripada pembilang.

4.2.5 Signal dalam rekabentuk

- **LDx** Datain dimasukkan ke register B pada clock berikutnya.
- **LDy** Nilai B dimasukkan ke dalam register kedua hanya sekiranya LDy adalah 1
- **LDT** nilai T dimasukkan ke register threshold hanya sekiranya LDT adalah 1.
- **INC** Peningkatan nilai pembilang .
- **SEL** Pilih signal ke multiplekser. Pilih data sekiranya "00" , "01" , "10"
- **T** nilai threshold 6 bit.
- **T1** nilai Threshold ditukar ke 8 bit.
- **B** output daripada register pertama.

C Current State Signal digunakan untuk kod logic keadaan sebelum dan selepas.



Rajah 4.7 : Gambarajah Blok bagi pengekodan Run-Length

4.3.1 Penerangan proses pengekodan Run-Length

Input ,Original Image adalah dalam bentuk 8 bit bagi mewakili satu piksel manakala output, Compressed image juga adalah 8 bit yang mewakili bilangan jujukan piksel yang bersebelahan yang telah dikodkan menggunakan teknik Run-Length. Output ini adalah bentuk image yang telah dimampatkan.Sekiranya jujukan bagi sesuatu piksel itu berlaku melebihi nilai 'threshold' yang ditetapkan, turutan ini akan digantikan dengan satu nilai piksel dan kemudian akan diikuti dengan bilangan jujukan piksel,C yang memepunyai nilai gray-level yang sama. Sekiranya bilangan jujukan bagi sesuatu piksel itu berlaku kurang atau sama dengan nilai threshold,T , maka outputnya sama dengan piksel yang masuk.

4.3.2 Penerangan Proses Pengekodan Run-Length

Piksel pertama akan masuk ke dalam Register B.Satu lagi nilai threshold ,T dimasukkan ke dalam Register 'I'.Apabila piksel kedua masuk , piksel tersebut dinyatakan sebagai data_in manakala piksel pertama tadi dimasukkan ke Register B. Kemudian dua piksel ini akan dibandingkan samada mempunyai nilai gray-level yang sama atau tidak oleh comparator . Sekiranya nilai gray-level adalah sama , nilai pada counter akan meningkat sebanyak 1. Operasi ini akan berulang sehingga nilai piksel terbaru yang diinput tidak mempunyai nilai gray-level yang sama dengan sebelumnya. Output yang terhasil adalah nilai grey-level diikuti dengan bilangan jujukan bagi piksel yang mempunyai nilai grey level yang sama.



Rajah 4.8 : Gambarajah blok bagi penyahkodan Run-Length

4.3.3 Penerangan proses penyahkodan Run-Length

Gambarajah blok bagi penyahkodan Run-Length merupakan proses pembalikan bagi pengkodan Run-Length. Komponen digital yang digunakan adalah sama ,tetapi multiplexer ditukarkan kepada demultiplekxer.Imej input yang masuk kedalam blok diagram adalah imej yang telah dimampatkan dan output yang dihasilkan adalah imej asal.Imej asal yang dikeluarkan mempunyai bentuk yang sama seperti sebelum ia diproses kerana Run-Length melakukan teknik pemampatan 'lossless'.

4.4 TEXT INPUT OUTPUT (Text I/O)

Semasa proses pengujian , teknik yang digunakan untuk input data adalah teknik TEXT I/O. Text I/O membolehkan VHDL membuka satu atau lebih fail data, membaca baris-baris dalam fail tersebut dan menghuraikan baris tersebut untuk membentuk elemen data tertentu seperti elemen dalam jujukan atau rekod.Untuk menyokong kegunaan file,VHDL mempunyai konsep file data type, ia termasuklah piawai ,fungsi built-in untuk buka, baca dan tulis ke file data type. Pakej text I/O , yang mengandungi perpustakaan piawai, dikembangkan kepada jenis file built-in dengan dengan mengformatkan fungsi.Test bench membaca baris daripada fail dan menggunakan data yang terdapat pada setiap baris sebagai vector ujian untuk stimulasi.Test bench membaca teks fail secara dinamik semasa simulasi, jadi test bench tidak perlu dikompil semula apabila stimulus ujian ditambah atau diubahsuai.Ini bak untuk rekabentuk yang besar.

BAB 5
IMPLEMENTASI

5.1 PENGENALAN

Selepas proses rekabentuk dipenuhi,fasa implementasi ke atas pemampatan imej menggunakan teknik pengekodan run-length boleh dimulakan. Rajah 5.1 menunjukkan proses rekabentuk yang diringkaskan yang mengandungi kedua-dua proses kompilasi dan simulasi untuk satu atau lebih rekabentuk pengaturcaraan logic. Kunci bagi memahami proses ini dan memahami kelebihan menggunakan bahasa pengaturcaraan VHDL adalah dengan mengingati kepentingan pembangunan pengujian(test development). Pembangunan pengujian boleh dilakukan selagi keperluan umum bagi system adalah diketahui.



Rajah 5.1 : Langkah – langkah dalam mengimplimentasi modul VHDL

VHDL (sepanjang dengan entity-entiti, contohnya seperti gambarajah blok dan rajah berskima) adalah digunakan untuk merekabentuk .Selepas itu, rekabentuk menggunakan satu editor teks (atau melalui satu alat rekabentuk di mana VHDL dihasilkan daripada paparan bergambar aras tinggi).Kod sumber VHDL mesti boleh dihantar secara terus kepada alat sintesis untuk diimplementasi ke dalam peranti yang dispesifikkan .Kemudian input mengalami proses simulasi iaitu membenarkan bahawa kefungsian sesuatu modul itu disahkan.

Pada bahagian pembangunan ujian,fail skrip atau VHDL 'testbench' dihasilkan bagi melakukan latihan litar untuk sahkan kefungsiannya dan spesifikasi pemasaan yang telah ditetapkan.Fail skrip ini boleh boleh dimuatkan menggunakan editor teks ,atau boleh dijanakan daripada maklumat ujian stimulus seperti gelombang bergambar.

Fasa ini juga menunjukkan implementasi ke atas kod VHDL yang telah dibangunkan menggunakan perisian PEAK FPGA SYNTHESIS EDITION Version 5.20c. Kod yang telah dibangunkan akan dikompil untuk mengesan ralat .Sekiranya tiada ralat dikesan ,maka proses yang berikut nya adalah proses simulasi. Fasa ini adalah berkenaan pemetaan kod kepada gambarajah blok.Sekiranya terdapat ralat pada fasa ini ,kod ini akan dibangunkan semula.

Proses simulasi satu pendekatan saling tak bersandar bagi setiap modul telah dijalankan dimana setiap entity yang wujud disimulasikan untuk mengetahui tahap ketepatan pemprosesan yang dijalankan berbanding dengan kitaran pengaturcaraan sendiri.Proses ini dilaksanakan setelah melakukan satu ujian pengaturcaraan (testbench) ke atas kod VHDL yang diaturcara bagi melihat output yang diperolehi dan setiap keputusan akan dipaparkan.

5.2 IMPLEMENTASI SETIAP MODUL

Dalam proses pembangunan pengekodan menggunakan teknik run-length,terdapat beberapa modul telah direkabentuk bagi memastikan ketepatan kefungsiannya.Modul-modul tersebut adalah

- Modul shift0.vhd
- Modul shift1.vhd
- Modul compare.vhd.
- Modul counter.vhd
- Modul mux.vhd
- Modul countreg.vhd
- Modul control.vhd
- Modul rle.vhd (modul top level).

Penerangan tentang setiap modul akan diterangkan di bawah.

5.2.1 MODUL SHIFT0



Rajah 5.2 : Gambarajah blok bagi Shift0

Dalam modul ini ,data yang masuk melalui PIN adalah bersaiz 8 bit yang mana bit-bit tersebut akan dikeluarkan dalam bentuk jujukan 8 bit melalui POUT dan SOUT. Keluaran POUT ini akan memasuki COMPARE LOGIC untuk dibandingkan manakala keluaran SOUT akan memasuki register kedua iaitu shift1. Fungsi bagi setiap pin diterangkan pada jadual penerangan pin pada jadual ()

PIN	PENERANGAN
CLK	Kawalan pemasaan
PIN	Masukan bersaiz 8 bit
Reset1_shift0	Input dari keluaran control. Reset modul pada '1'
Load_shift0	Input dari keluaran control.Keluarkan keluaran pada load_shift0 '0'
Pout	Keluaran ke modul compare logic
Sout	Keluaran ke modul shift1

Jadual 5.1 : Penerangan pin input dan output bagi modul shift0

Kod aturcara di bawah merupakan architecture bagi modul shift0 berfungsi seperti yang dinyatakan di atas.Kod sumber keseluruhan bagi modul shift0 dimuatkan dalam appendik :

```
architecture structural of shift0 is
    begin
        process (clk, reset1_shift0)
            begin
                if (reset1_shift0 = '1') then -- dalam keadaan 'high state'
                pout <= "00000000";
                sout <= "00000000";
                elsif (clk'event and clk ='1') then -- dinilai jika nilai reset bukan 1
                                                    -- untuk kesan 'clockedges'
                    if (load_shift0 = '0') then
                        pout <= pin;
                        sout <= pin;
                end if;
```

5.2.2 MODUL SHIFT1



Rajah 5.3 : Gambarajah blok bagi modul shift1

Modul ini merupakan register kedua didalam rekabentuk untuk run-length. Ia akan mengambil SIN sebagai masukan yang bersaiz 8 bit dari keluaran SOUT pada shift0. Ia akan mengeluarkan 2 keluaran bersaiz 8 bit iaitu Par_out dan Sout2. Keluaran Par_out akan ke modul multiplexer manakala keluaran Sout2 akan ke COMPARE LOGIC.

PIN	PENERANGAN
CLK	Kawalan pemasaan
SIN	Masukan bersaiz 8 bit dari shift0
Reset1	Reset modul pada '1'
Load	Keluarkan keluaran pada load '0'
Par_out	Keluaran ke modul multiplexer
Sout2	Keluaran ke modul compare logic

Jadual 5.2 : Penerangan pin input dan output bagi modul shift1

Kod aturcara di bawah merupakan architecture bagi modul shift1 berfungsi seperti yang dinyatakan di atas. Kod sumber keseluruhan bagi modul shift1 dimuatkan dalam appendik :

```
architecture structural of shift1 is
    begin
        process (clk, reset1)
            begin
                if (reset1 = '1') then -- dalam keadaan 'high state'
                    par_out <= "00000000";
                    sout2 <= "00000000";
                    elsif (clk'event and clk ='1') then -- dinilai jika nilai reset bukan 1
